

DOCX.MY **BERITA ONLINE ANDA!**

Info semasa, Terkini, Viral, Agama, Pendidikan,
Makluman, Resepi , Informasi Kerajaan Dan Lain-Lain

INFO LANJUT

 www.docx.my

 **DOCX.MY**
SENANG DOWNLOAD

PRN: Permohonan Undi Pos Dibuka 15 Jun Ini



Permohonan undi pos untuk Pilihan Raya Negeri (PRN) di enam negeri iaitu Kedah, Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang, Selangor, dan Negeri Sembilan akan dibuka mulai 15 Jun ini. Datuk Ikmalrudin Ishak, Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), dalam kenyataannya pada Khamis, menyatakan bahawa permohonan undi pos bagi semua kategori, iaitu Kategori 1A, 1B, dan 1C, boleh dibuat melalui pautan <https://myspr.spr.gov.my>.

Kategori 1A merangkumi petugas pilihan raya, anggota dan pegawai SPR, serta petugas media. Bagi kategori 1B, ia merujuk kepada rakyat Malaysia yang tinggal di luar negara, manakala kategori 1C merangkumi agensi dan organisasi.

"Anggota polis dan tentera di bawah kategori 1A akan terus menggunakan kaedah permohonan undi pos secara manual dengan menggunakan Borang 1A yang boleh dimuat turun dari portal <https://www.spr.gov.my> mulai tarikh yang sama," katanya.

Beliau menjelaskan bahawa Borang 1A perlu diserahkan kepada pegawai pengurus bahagian pilihan raya pemohon mengundi setelah mendapat pengesahan daripada ketua jabatan masing-masing.

"Pemilih yang layak dan ingin mengundi melalui undi pos perlu mendaftar atau mempunyai akaun MySPR sebelum membuat permohonan undi pos.

"Oleh itu, SPR menggalakkan mereka untuk mendaftar akaun MySPR melalui pautan <https://myspr.spr.gov.my> lebih awal agar permohonan dapat dilakukan dengan segera apabila tempoh permohonan undi pos dibuka kelak. Selain itu, pendaftaran akaun MySPR yang dilakukan lebih awal juga dapat mengelakkan sebarang masalah di saat akhir," ujar beliau. - Sumber : Sinar Harian